



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PRASARANA UMUM PELANTIKAN BARU DALAM PUCUK PIMPINAN

KUALA LUMPUR, 1 Julai – Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) hari ini mengumumkan pucuk pimpinan Syarikat yang baru dengan pelantikan YBhg. Tan Sri Jamaludin Ibrahim sebagai Pengerusi Kumpulan dan Encik Mohd Azharuddin Mat Sah sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang baru. Kedua-dua pelantikan ini berkuatkuasa serentak pada 15 Julai 2021.

Lembaga Pengarah dan Barisan Kepimpinan Kanan Kumpulan Prasarana mengalu-alukan pelantikan Tan Sri Jamaludin dan Encik Mohd Azharuddin. Pengalaman luas yang dimiliki oleh kedua-dua tokoh dalam menerajui syarikat-syarikat besar dari segi operasi dan pentadbiran, serta penglibatan mereka di dalam merangka polisi dan inisiatif bagi sektor awam adalah satu kelebihan besar buat Prasarana dalam meneruskan agendanya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam khususnya dalam berhadapan dengan cabaran penularan pandemik Covid-19.

Tan Sri Jamaludin merupakan Presiden and Ketua Eksekutif Kumpulan bagi Axiata Group Berhad (Axiata) sebelum persaraannya di akhir tahun 2020. Dikenali sebagai tulang belakang yang mengemudi transformasi Axiata daripada sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kepada gergasi telekomunikasi yang amat disegani yang beroperasi di 11 buah negara ASEAN dan Asia Selatan, Tan Sri Jamaludin membawa bersama beliau pengalaman kerja selama lebih 40 tahun; termasuk 16 tahun di bidang Teknologi Maklumat, 23 tahun dalam telekomunikasi dan berbagai bidang lain di dalam sektor awam dan swasta khususnya pendidikan.

Terkini pada tahun 2020, Tan Sri Jamaludin dilantik oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sebagai ahli Majlis Tindakan Ekonomi (*Economic Action Council*) yang diberi mandat untuk merencanakan dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan kekayaan yang saksama, dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. Beliau juga merupakan ahli Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara yang berfungsi sebagai tadbir urus tertinggi dalam menetapkan dasar, pelaksanaan serta pemantauan strategi dan inisiatif ekonomi digital dan 4IR di negara ini.

Warga kerja Prasarana menyambut baik pelantikan Tan Sri Jamaludin untuk mengepalai Lembaga Pengarah sebagai Pengerusi Kumpulan selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk melihat Prasarana lebih berdikari dengan meningkatkan hasil pendapatan termasuk bagi sektor bukan tambang (*non-fare revenue*); sekali gus berkembang maju menjadi entiti korporat milik Kerajaan yang berjaya.

Pelantikan Azharuddin sebagai Presiden and Ketua Pegawai Kumpulan Prasarana pula akan memberikan sinergi dan perspektif dari sudut pengangkutan awam, selari dengan pengalaman beliau di dalam industri pengangkutan awam darat dan udara.

Terdahulu, Azharuddin berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Transformasi, Malaysia Airlines Berhad dari 2019 hingga 2021, dan bertanggungjawab bagi portfolio merangkumi pelan transformasi jangka panjang dan bahagian teknologi maklumat dan digital syarikat penerbangan tersebut.

Beliau juga pernah bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) antara 2015 dan 2018, dan berkhidmat dengan agensi transformasi negara, PEMANDU sebagai Pengarah Bahagian Pengangkutan Awam Darat Bandar dan Greater KL/Lembah Klang dari 2014 hingga 2015.

Ketika berkhidmat di SPAD, Azharuddin bertanggungjawab untuk hal-hal berkaitan dengan polisi, perancangan, pembangunan dan penguatkuasaan undang-undang pengangkutan awam darat serta penambahbaikan perkhidmatan rel (LRT, MRT, ERL, monorel dan KTM), teksi, bas serta kenderaan perdagangan.

Azharuddin adalah graduan Universiti of Kent at Canterbury, United Kingdom dengan ijazah Sarjana Muda Sastera – Ekonomi dan Undang-undang. Beliau memulakan karier dengan Shell Malaysia dan seterusnya ditempatkan di United Kingdom di Shell International Petroleum Company, London. Selepas berkhidmat dengan Shell selama 11 tahun, beliau meneruskan kerjaya di Khazanah sebagai Naib Presiden Kanan; Pengarah Sektor Awam di Microsoft Malaysia; dan Pengarah di PEMANDU.

Dengan gabungan dan kerjasama rapat kedua-dua tokoh ini, Lembaga Pengarah Kumpulan Prasarana yakin misi Syarikat untuk melaksanakan transformasi strategik dalam sistem pengangkutan awam negara dan memacu pertumbuhan ekonomi, serta menjadi pemangkin bagi merencanakan semula sektor komersial dan perniagaan dapat direalisasikan. Dalam bidang operasi masa terdekat ini, tiga fokus utama bagi Tan Sri Jamaludin dan Azharuddin adalah penambahbaikan dan peningkatan kecekapan operasi secara menyeluruh khususnya dari segi keselamatan dan kepercayaan operasi (*safety and operational reliability*); meningkatkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan; dan pemampanan kewangan.

TAMAT

Dikeluarkan oleh Prasarana Malaysia Berhad. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pegawai Perhubungan Media Kumpulan Prasarana, Azhar Ghazali di 019-3837865 atau emel azharghazali@prasarana.com.my.